



NEGERI PULAU PINANG
Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jld. 45
Bil. 18

1 September 2001

*TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN*

Pg. P.U. 13.

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT
HIBURAN 1998**

PERATURAN-PERATURAN HIBURAN (PULAU PINANG) 2001

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Permohonan lesen.
4. Hiburan yang disediakan di establismen makanan yang dilesenkan.
5. Pemberian lesen.
6. Tempoh lesen.
7. Lesen tidak boleh dipindahmilik, dsb.
8. Fi bagi lesen.
9. Pembatalan lesen.
10. Kebersihan premis.
11. Kacau ganggu yang disebabkan oleh bunyi.

Peraturan

12. Kemudahan tandas.
13. Kelengkapan pertolongan cemas.
14. Keselamatan orang awam.
15. Gantian-udara.
16. Pembinaan warung atau gerai.
17. Pelesenan tred, perniagaan lain, dsb.
18. Hiburan yang dibenarkan oleh lesen.
19. Bilangan mesin yang dibenarkan.
20. Bilangan orang yang dibenarkan.
21. Hiburan yang lucah.
22. Pakaian.
23. Orang yang mabuk dilarang, dsb.
24. Tiada pertaruhan atau perjudian dibenarkan.
25. Dilarang manipulasi.
26. Alat permainan sesuai dan selamat untuk digunakan.
27. Masa bagi mengendalikan tempat hiburan.
28. Tiada bir atau minuman yang memabukkan boleh dihidangkan.
29. Pegawai Pelesen boleh menetapkan umur minima pelanggan.
30. Kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun hendaklah disertai oleh orang dewasa.
31. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan notis.
32. Pelanggaran peraturan suatu kesalahan.
33. Pemansuhan.

JADUAL.

ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 1998

PERATURAN-PERATURAN HIBURAN (PULAU PINANG) 2001

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Enakmen Pg. En. 1/98. Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya Tafsiran. menghendaki makna yang lain—

“Majlis Perbandaran” ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang atau Majlis Perbandaran Seberang Perai.
3. Tiap-tiap permohonan sesuatu lesen hiburan dan lesen untuk mengadakan hiburan di sesuatu tempat di bawah Peraturan-peraturan ini hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan— Permohonan lesen.
 - (a) butir-butir mengenai orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
 - (b) butir-butir mengenai orang-orang yang telah diundang atau bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang telah mengambil bahagian dalam hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
 - (c) tujuan yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan;
 - (d) skrip lakonan itu; dan
 - (e) jika mana-mana struktur sementara dikehendaki bagi maksud hiburan itu, maka pelan struktur demikian, kelulusan daripada pihak berkuasa yang relevan dan perakuan daripada jurutera awam atau jurutera struktur yang memperakui bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan baik bagi tempoh selama hiburan itu hendak diadakan.
4. Seseorang yang mengadakan hiburan di suatu tempat yang telah dilesenkan oleh Majlis Perbandaran di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan (Establisymen Makanan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1991 atau di bawah Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Seberang Perai yang berkenaan, hendaklah mendapatkan lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini. Hiburan yang disediakan di establisymen makanan yang dilesenkan. Pg. P.U. 26.

Pemberian lesen. 5. Jika permohonan lesen untuk mengadakan hiburan dan mengadakan hiburan di sesuatu tempat diberi, maka suatu lesen dalam Borang B Jadual Pertama hendaklah dikeluarkan semasa pembayaran—

- (a) fi bagi lesen demikian; dan
- (b) sejumlah wang yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen sebagai cagaran untuk memastikan pematuhan syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen dan peruntukan-peruntukan Enakmen atau Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

Tempoh lesen. 6. Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sah bagi tempoh tidak melebihi satu tahun.

Lesen tidak boleh dipindahmiliki, dsb. 7. Sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh diserahkan, dipindahmiliki, disewakan atau dipajakkan kepada mana-mana orang lain.

Fi bagi lesen. 8. Fi yang kena dibayar bagi sesuatu lesen hiburan dan lesen mengadakan hiburan di sesuatu tempat adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Pembatalan lesen. 9. (1) Pegawai Pelesen boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu lesen jika—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan atau mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan; atau
- (b) berlaku sebarang pecah keamanan, halangan, gangguan atau kecederaan kepada residen di kawasan tempat hiburan yang berkaitan dengannya lesen telah dikeluarkan; atau
- (c) pada pendapat Pegawai Pelesen mana-mana persembahan tersebut adalah bersifat merbahaya, lucuh, atau tidak bermoral, atau mungkin merbahaya kepada nyawa manusia atau boleh menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang.

(2) Sebelum keputusan dibuat untuk membatalkan sesuatu lesen, Pegawai Pelesen hendaklah memberikan kepada pemegang lesen suatu peluang untuk membuat representasi tentang kenapa lesennya tidak boleh dibatalkan.

(3) Apabila Pegawai Pelesen memutuskan untuk membatalkan sesuatu lesen, maka notis pembatalan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen sebagaimana diperuntukkan di bawah Enakmen.

(4) Seseorang pemegang lesen yang telah disampaikan dengan notis pembatalan lesen hendaklah, sebaik sahaja menerima notis demikian, menutup tempat hiburan itu dan menghentikan hiburan yang disediakan di dalamnya.

10. Seseorang pemegang lesen tempat hiburan hendaklah, pada setiap masa, menjaga kebersihan tempat hiburannya. Kebersihan premis.
11. Seorang pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan sesuatu kacau-ganggu. Kacau ganggu yang disebabkan oleh bunyi.
12. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa— Kemudahan tandas.
- (a) terdapat tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan bahawa kemudahan tandas demikian diselenggara dalam keadaan baik dan dalam keadaan bersih pada setiap masa;
 - (b) tiap-tiap tandas dilengkapi dengan pili, baldi dan hos untuk memudahkan bersuci;
 - (c) tiap-tiap tandas hendaklah, pada setiap masa, dilengkapi dengan kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah dan pengering elektrik atau tuala bersih atau kertas tisu;
 - (d) jika pencahayaan asli tidak mencukupi, maka pencahayaan buatan disediakan di dalam tiap-tiap tandas pada setiap masa; dan
 - (e) bekalan air hendaklah ada pada setiap masa:
- Dengan syarat bahawa jika sesuatu hiburan itu diadakan di luar bangunan, maka pemegang lesen hendaklah menyediakan apa-apa kemudahan tandas sebagaimana dinyatakan dalam lesen.
- (2) Subkaedah (1) tidaklah terpakai bagi pemegang lesen yang tempat hiburannya terletak dalam bangunan yang kemudahan tandas telah disediakan.
13. Seseorang pemegang lesen hendaklah menyediakan di tempat hiburan itu suatu kotak pertolongan cemas yang secukupnya yang mengandungi pembalut dan alat-alat pertolongan cemas yang dinyatakan di bawah ini yang hendaklah, pada setiap masa, diselenggara dalam keadaan baik: Kelengkapan pertolongan cemas.
- (a) enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm x 7.6 sm bagi luka dan luka terbakar;
 - (b) satu gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gm;
 - (c) dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sm x 5.5 sm;
 - (d) tiga helai kain pembalut berbentuk segitiga;
 - (e) satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sm x 2.74 sm;

- (f) satu pasang gunting keluli tahan karat;
- (g) satu kotak pin keselamatan; dan
- (h) satu tiub krim antiseptik.

Keselamatan orang awam.

14. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—
 - (a) pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan Jabatan Bomba dan pepasangan pencahayaan, elektrik, gantian-udara dan mekanikal adalah mengikut undang-undang yang berhubungan dengannya;
 - (b) semua alat melawan api disenggara dengan wajar dan dalam keadaan boleh digunakan dengan baik; dan
 - (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak ditutup pada setiap masa semasa pengendalian.

Gantian-udara.

15. Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian-udara yang secukupnya di tempat hiburan dan bahawa cara gantian-udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa.

Pembinaan warung atau gerai.

16. Tiada warung, gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam tempat hiburan melainkan dibenarkan dan diluluskan oleh Majlis Perbandaran.

Pelesehan tred, perniagaan lain, dsb.

17. Tiada warung, gerai atau struktur yang terletak dalam sesuatu tempat hiburan boleh digunakan bagi apa-apa tred, perniagaan, atau hiburan, atau sebagai establismen makanan, tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tred, perniagaan, hiburan atau establismen makanan demikian.

Hiburan yang dibenarkan oleh lesen.

18. Tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan.

Bilangan mesin yang dibenarkan.

19. Bilangan mesin bagi mana-mana permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.

Bilangan orang yang dibenarkan.

20. Seseorang pemegang lesen tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.

Hiburan yang lucuh.


21. Tiada hiburan yang lucuh boleh dibenarkan di dalam mana-mana tempat hiburan.

Pakaian.

22. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelaku-pelaku dalam sesuatu hiburan berpakaian sopan.

23. Tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan. Orang yang mabuk dilarang, dsb.
24. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 atau Ordinan Pertaruhan 1953 dijalankan dalam sesuatu tempat hiburan. Tiada pertaruhan atau perjudian dibenarkan. Akta 289. Ord. 47/1953
25. Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seseorang daripada mencapai tujuannya. Diharang manipulasi.
26. Seseorang pemegang lesen bertanggungjawab memastikan semua alat permainan disahkan sesuai dan selamat untuk digunakan. Alat permainan sesuai dan selamat untuk digunakan.
27. Seseorang pemegang lesen hendaklah hanya mengendalikan sesuatu tempat hiburan dalam masa sepertimana yang dinyatakan oleh Pegawai Pelesen dalam lesen. Masa bagi mengendalikan tempat iburan.
28. Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada bir atau minuman yang membukukan dihidangkan atau diminum di dalam sesuatu tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan kepadanya oleh Lembaga Pelesen yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais 1976. Tiada bir atau minuman yang membukukan boleh dihidangkan.
29. (1) Pegawai Pelesen boleh, mengikut budicaranya, menyatakan umur minima orang-orang yang boleh melanggani sesuatu tempat hiburan. Pegawai Pelesen boleh menetapkan umur minima pelanggan.
- (2) Tiada seorang pun di bawah umur yang dinyatakan oleh Pegawai Pelesen boleh dibenarkan memasuki atau berada di sesuatu tempat hiburan.
30. Jika tiada umur minima ditetapkan atau jika umur minima ialah di bawah dua belas tahun, pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak yang berumur sedemikian disertai oleh seorang dewasa semasa memasuki tempat hiburan. Kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun hendaklah disertai oleh orang dewasa.
31. Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan suatu notis yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam peraturan 27 dan peraturan 29 di pintu masuk sesuatu tempat hiburan. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan notis.
32. Mana-mana orang yang melanggar Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan. Pelanggaran peraturan suatu kesalahan.
33. Peraturan-Peraturan Panggung-Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1958 adalah dengan ini dimansuhkan. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA
BORANG A
(Peraturan 3)
ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 1998
PERATURAN-PERATURAN HIBURAN (PULAU PINANG) 2001
PERMOHONAN LESEN

**BAHAGIAN I:BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Pemohon:
2. Nombor Kad Pengenalan: Lama.....
Baru.....
3. Nombor Pasport:
4. Tarikh Lahir:/...../.....
Hari Bulan Tahun
5. Tempat Lahir:
6. Jantina Perempuan
 Lelaki
7. Warganegara:
8. Keturunan: Melayu
 Cina
 India
 Lain-lain

Sila nyatakan.....

9. Alamat:
.....
.....
10. Nombor Telefon:
11. Nama Syarikat/Pertubuhan:
-
.....
12. Alamat Syarikat/
Pertubuhan:
(jika berlainan dari
No. 9)
-
13. Nombor Pendaftaran/
Syarikat Pertubuhan
(jika berkenaan)
14. Tarikh Pendaftaran:
15. Tarikh Habis Tempoh:
16. Jawatan dalam Syarikat/
Pertubuhan:

BAHAGIAN II: BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

1. Sila tandakan/nyatakan:

- | | |
|--------------------------|------------------------|
| A. (1) Jenis Hiburan | Nyatakan |
| <input type="checkbox"/> | Pertunjukan |
| <input type="checkbox"/> | Pameran |
| <input type="checkbox"/> | Mesin Hiburan |
| <input type="checkbox"/> | Sukan |
| <input type="checkbox"/> | Pawagam/Cineplex |
| <input type="checkbox"/> | Muzikal |
| <input type="checkbox"/> | Nyanyian |

<input type="checkbox"/>	Tarian/Dewan Tarian
<input type="checkbox"/>	Lakonan/Drama
<input type="checkbox"/>	Taman Hiburan
<input type="checkbox"/>	Pesta/Ekspo
<input type="checkbox"/>	Lain-lain

Adakah artis luar terlibat? Ya Tidak

Jika ya, sertakan salinan visa/permit kerja berkenaan.

(2) Jenis/Bilangan Mesin Hiburan:

Jenis	Bilangan
Mesin Komputer	
Mesin Simulator	
Karaoke	
Mesin Peranti	
Meja Pin	
Billiard	
Snuker	
Juke Box	
Permainan Kanak-kanak (Kiddy Rides)	
Lain-lain (nyatakan)	

(3) Tujuan Hiburan:

<input type="checkbox"/>	Agama
<input type="checkbox"/>	Amal
<input type="checkbox"/>	Perniagaan
<input type="checkbox"/>	Acara Rasmi Kerajaan
<input type="checkbox"/>	Aktiviti Sekolah
<input type="checkbox"/>	Promosi
<input type="checkbox"/>	Lain-lain—Nyatakan.....

(4) Tempoh Hiburan (Tarikh)

Dari hingga

(5) Masa Hiburan:

Dari jam hingga..... (Hari Biasa)

Dari jam..... hingga..... (Hari Minggu Cuti/
Kelepasan Am)

(6) Bilangan Hiburan: Semalam: kali

Sehari: kali

Sebulan: kali

(7) Bilangan kerusi disediakan:

(8) Aturcara:

(Sila kembangkan sebagai lampiran. Jika lagu akan dinyanyikan,
serta lirik/sarikata lagu dan jika sketch, sertakan ringkasan cerita)

(9) Anggaran Kutipan: Sehari RM

Sebulan RM

Setahun RM

B. Premis/Tempat Hiburan:

(1) Alamat:.....

(2) Jenis Premis:

(i) Rumah Kedai No. Tingkat

(ii) Kompleks Membeli-belah No. Tingkat

(iii) Lain-lain:.....

(3) Kedudukan Premis: Tengah

Tepi

Berasingan

(4) Luas lantai.....meter persegi

-
- (5) Pemunyaan: Pemunya
 Penyewa

BAHAGIAN III: AKUAN

Saya/Kami..... No. Kad Pengenalan.....
dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di atas
alah betul dan benar.

Tarikh:.....
(Tandatangan Pemohon)
Cop Syarikat/Pertubuhan

BAHAGIAN IV: ARAHAN

1. Borang ini hendaklah diisi dengan huruf besar dalam 11 salinan.
2. Tanda (✓) dalam kotak-kotak yang berkenaan.
3. Kosongkan mana-mana yang tidak berkenaan.
4. Kembalikan borang ini beserta dengan dokumen-dokumen berikut
(yang mana berkenaan)—
 - (i) 1 keping gambar berukuran pasport;
 - (ii) Satu salinan kad pengenalan;
 - (iii) Satu salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Pertubuhan;
 - (iv) Satu salinan Memorandum Syarikat dan perkara persatuan;
 - (v) Satu salinan pelan tempat letak mesin (jika berkenaan);
 - (vi) Satu salinan pelan lakaran mengikut geran asal;
 - (vii) Satu salinan senarai Jawatankuasa Pengelola;
 - (viii) Satu salinan nama peserta/penghibur;
 - (ix) 5 salinan pelan lantai dan lokasi premis;
 - (x) Surat persetujuan/pengesahan daripada pemunya tanah
atau bangunan itu;
 - (xi) 2 keping gambar premis (1 keping gambar yang diambil
dari luar dan 1 keping gambar yang diambil dari dalam).

BORANG B
(Peraturan 5)
ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 1998
PERATURAN-PERATURAN HIBURAN (PULAU PINANG) 2001
LESEN UNTUK MENGADAKAN HIBURAN DI SESUATU TEMPAT

No.....

Dengan ini suatu lesen dikeluarkan kepada
 yang tinggal di
 bagi maksud mengadakan suatu
 (nyatakan jenis hiburan)

di
 selama *hari/mulai dari hingga

Lesen ini tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (i) Bahawa tiada pertunjukan boleh dimulakan sebelum
- (ii) Bahawa tiada pertunjukan boleh diteruskan selepas
- (iii) Bahawa tidak lebih daripada orang boleh dibenarkan masuk pada bila-bila masa ke tempat hiburan.
- (iv) Bahawa pintu dan jalan keluar disediakan.
- (v)* Bahawa pengawasan-pengawasan berikut dipatuhi:

(a)

(b)

(c)

(d)

Fi bagi lesen ini ialah RM.....

.....
 Pegawai Pelesen

Bertarikh pada haribulan

*Masukkan syarat-syarat lanjut, jika ada.

**JADUAL KEDUA
(Peraturan 8)**
**FI BAGI LESEN UNTUK MENGADAKAN HIBURAN DI
SESUATU TEMPAT**

BAHAGIAN I

1. Lakonan, opera, pantomim, lakonan anekaragam, persempahan muzik, nyanyian, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, gerak akrobatik dan silap mata, pertandingan kecantikan, tablo, tunjuk cara, peragaan dan pawai yang dalamnya orang-orang hidup mengambil bahagian.

	Sebulan RM	Sehari RM
(i) Tidak melebihi 100 kerusi	10.00	
(ii) 101-200 kerusi	20.00	
(iii) 201-300 kerusi	30.00	
(iv) 301-800 kerusi	40.00	
(v) 801-1050 kerusi	50.00	
(vi) Melebihi 1050 kerusi	60.00	
2. Pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupaan makhluk-makhluk benar atau khayalan	10.00	
3. Sarkas dan pameran binatang	2,000.00	100.00
4. Pameran model, bahan bacaan, gambar, photograph, ukuran atau rupaan patung atau rupaan-rupaan lain berbentuk manusia atau binatang	800.00	50.00 bagi kawasan melebihi 10,000 k.p. 30.00 bagi kawasan tidak melebihi 10,000 k.p.

		Sebulan RM	Sehari RM
5.	Pameran filem sinematograf, tayangan gambar video dan pertunjukan boneka		
	(i) Tidak melebihi 200 kerusi	300.00	20.00
	(ii) 201-300 kerusi	400.00	30.00
	(iii) 301-400 kerusi	500.00	40.00
6.	Reproduksi atau siaran, dengan apa-apa cara jua pun selain daripada telefon atau telefon radio, bagi apa-apa muzik, lagu atau ucapan, selain daripada yang berkaitan dengan sesuatu filem senimatograf	10.00	
7.	Mesin dan peranti yang jika, dimanipulasi, memberikan peluang untuk memenangkan hadiah dalam bentuk barang		10.00 sebulan bagi setiap satu unit
8.	Meja pin, billiard, snuker dan mainan lain yang serupa jenis permainannya		10.00 sebulan bagi setiap satu unit
9.	Sukan (apa-apa jenis pertandingan antara apa-apa bilangan orang atau binatang)		20.00 sehari
10.	Pertandingan terancang bagi permainan kemahiran atau nasib		10.00 sebulan bagi setiap satu unit
11.	Pesta perdagangan, pertanian atau industri yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil atau bahan-bahan		<p style="text-align: center;">(i) RM10.00 sehari</p> <p style="text-align: center;">(ii) Lesen yang ber- asingan bagi setiap hiburan yang dijalankan mengikut kategori dan kadar lesen yang ditetapkan</p> <p style="text-align: center;">(iii) RM5.00 sehari bagi setiap unit jenis permainan kanak-kanak <i>(merry go- round)</i></p>

-
- | | |
|---|-----------------|
| 12. Apa-apa kombinasi mana-mana bentuk hiburan yang tersebut di atas | RM10.00 sebulan |
| 13. Hiburan Lain seperti yang diisyiharkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa | RM20.00 sebulan |

BAHAGIAN II

- | | |
|---|---|
| 1. <i>World and Amusement Parks (Fun Fair)</i> | RM10.00 sehari dengan syarat lesen yang berasingan adalah diperlukan bagi setiap persembahan yang dijalankan (mengikut kategori persembahan dan kadar lesen yang ditetapkan) dan juga bagi setiap jenis permainan kanak-kanak yang diadakan (mengikut kadar lesen di perenggan 2) |
| 2. Permainan kanak-kanak (<i>Kiddie Rides</i>) dan mainan hiburan lain yang diperuntukkan dalam taman hiburan | RM5.00 sehari |
| 3. Galeri menembak (di mana senapang atau <i>airguns</i> dibenarkan) | RM60.00 setiap tiga bulan |
| 4. Taman Thema dan <i>Go-kart</i> | RM100.00 sebulan |

BAHAGIAN III

- | | |
|-----------------------|--|
| 1. <i>Juke Box</i> | RM20.00 sebulan satu mesin |
| 2. <i>Simulator</i> | RM10.00 sebulan dan tambahan RM3.00 satu mesin sebulan bagi 20 mesin pertama dan RM5.00 satumesin sebulan bagi yang berikutnya |
| 3. Permainan komputer | RM50.00 sebulan dan tambahan RM5.00 sebulan bagi 10 set yang pertama dan RM10.00 sebulan bagi set yang berikutnya |
| 4. Karaoke | |

5.	Persembahan di hotel, cabaret, cafe dan tempat lain yang serupa selain dari yang di Bahagian I	
	(a) Muzik dan Nyanyian	RM100.00 sebulan
	(b) Dewan Tarian	RM50.00 sebulan
		Sehari RM
	(i) Tidak melebihi 100 kerusi	10.00
	(ii) 101-200 kerusi	20.00
	(iii) 201-300 kerusi	30.00
	(iv) 301-800 kerusi	40.00
	(v) 801-1050 kerusi	50.00
	(vi) Melebihi 1050 kerusi	60.00
6.	Boling	RM100.00 sebulan

Bertarikh pada 31 Ogos 2001.
[PSUK/PP/004.9.1.22 Jld. 2; PU/PP 3449.]

NG WEE KOK,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

ENTERTAINMENT AND PLACES OF
ENTERTAINMENT ENACTMENT 1998

ENTERTAINMENT (PENANG) REGULATIONS 2001

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement.
2. Interpretation.
3. Application for licences.
4. Entertainment provided in licensed food establishment.
5. Grant of licence.
6. Duration of licence.
7. License shall not be transferred, etc.
8. Fees for licence.
9. Revocation of licence or licences.
10. Cleanliness of premises.
11. Nuisance caused by sound.
12. Toilet facilities.
13. First aid equipment.
14. Safety of public.
15. Ventilation.
16. Erection of both or stall.
17. Licensing of other trade, business, etc.
18. Entertainment permitted by the licence.
19. Number of machines permitted.
20. Number of persons permitted.
21. Obscene entertainment.
22. Dressing.
23. Intoxicated person prohibited, etc.
24. No betting and gambling allowed.
25. Manipulation prohibited.

Regulation

26. Games equipment fit and safe to be used.
27. Time for operating a place of entertainment.
28. No beer or intoxicated drink to be served.
29. Licensing Officer may specify age limit of patron.
30. Children under twelve to be accompanied by adult.
31. Licensee shall exhibit notice.
32. Contravention of regulations on an offence.
33. Repeal.

SCHEDULE.

ENTERTAINMENT AND PLACES OF ENTERTAINMENT
ENACTMENT 1998

ENTERTAINMENT (PENANG) REGULATIONS 2001

Pg. En. 1/98. IN exercise of the powers conferred by section 35 of the Entertainment and Places of Entertainment Enactment 1998, the State Authority makes the following regulations:

Citation and commencement. 1. These Regulations may be cited as the **Entertainment (Penang) Regulations 2001** and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation. 2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Municipal Council” means the Municipal Council of Penang Island or the Municipal Council of Province Wellesley as the case may be.

Application for licences. 3. Every application for a licence to provide entertainment and to provide entertainment at a place shall be made in Form A of the First Schedule and shall be accompanied by—

(a) the particulars of persons concerned in the promotion of the entertainment and the interests represented by such persons;

(b) the particulars of persons who have been invited, or agreed to participate in the entertainment or have participated in the entertainment and the interests represented by such persons;

(c) the purposes to which any profits from the entertainment are intended to be or have been applied;

(d) the script of the play; and

(e) where any temporary structure is required for the purpose of the entertainment, the plan of such structure, the approval from the relevant authority approving such structure, and the certificate of a civil engineer or structural engineer certifying that the structure will be sound for the period during which the entertainment is to be held.

**Entertainment provided in licensed food establishment.
Pg. P.U. 26.** 4. A person providing entertainment in a place that has been licensed by the Municipal Council under the Municipal Council of Penang Island (Food Establishment) By-Laws 1991 or the Municipal Council of Seberang Perai's relevant by-laws relating to food establishment shall be required to obtain a licence under these Regulations.

5. Where an application for a licence to provide entertainment and to provide entertainment at a place is granted, a licence in Form B of the First Schedule shall be issued upon payment of—
Grant of licence.

- (a) the fees for such licence; and
- (b) such sum of money as the Licensing Officer may determine as security for the due observance of the conditions or restrictions of the licences and the provisions of the Enactment or Regulations made thereunder.

6. A licence issued under these Regulations shall be valid for a period not exceeding one year.
Duration of licence.

7. A licence issued under these Regulations shall not be transferred, assigned, leased or rented out to any other person.
Licence shall not be transferred, etc.

8. The fees payable for a licence to provide entertainment shall be as set out in the Second Schedule.
Fees for licence.

9. (1) The Licensing Officer may, at any time, revoke a licence if—
Revocation of licence or licences.

- (a) there has been a breach of any condition or restriction of the licence or a contravention of any provision or any regulations or any written law relating to a local authority; or
- (b) there has been any breach of the peace, obstruction, annoyance or injury to the residents in the locality of the place of entertainment in respect of which the licence was issued; or
- (c) in the opinion of the Licensing Officer any performance therein is of dangerous, indecent or immoral nature, or is likely to endanger human life or to cause grievous hurt to any person.

(2) Before a decision is made to revoke a licence, the Licensing Officer shall give to the licensee an opportunity to make representations as to why his licence should not be revoked.

(3) Where the Licensing Officer decides to revoke a licence, the notice of revocation shall be served on the licensee as provided under the Enactment.

(4) A licensee who has been served with a notice of revocation of licence shall, immediately upon receipt of such notice, close the place of entertainment and stop the entertainment provided therein.

